

MAHATHIR-KEPENDUDUKAN

1982

KUALA LUMPUR, 10 SEPT (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI DASAR KEPENDUDUKAN MALAYSIA PERLU DIKAJI SEMULA JIKA NEGARA MAHU MAJU DALAM BIDANG PEMBUATAN YANG MEMERLUKAN PASARAN DOMESTIK YANG BESAR DAN KAYA.

PERDANA MENTERI MENGASKAN KAJIAN SEMULA INI PERLU LEBIH-LEBIH LAGI MEMANDANGKAN DASAR PERLUNDUNGAN YANG DIAMALKAN OLEH NEGARA-NEGARA MAJU YANG KEBETULAN MENJADI PASARAN TERBESAR BAGI BARANG-BARANG BUATAN DI DUNIA.

MENYAMPAIKAN UCAPAN DASARNYA SEBAGAI PRESIDEN UMNO DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE-33 DI SINI, BELIAU BERKATA MALAYSIA BOLEH MENGELUARKAN LEBIH BANYAK BARANG SECARA EKONOMIK JIKA PASARAN DALAM NEGERI BESAR ATAUPUN JIKA DASAR DUNIA SANGGUP MEMBUKA PINTU BAGI KEMASUKAN BARANG-BARANG KELUARAN NEGARA.

+MALANGANYA PASARAN DUNIA YANG TERBESAR BAGI BARANG-BARANG BUATAN BERADA DI NEGARA-NEGARA MAJU YANG SERING MENGAMALKAN DASAR PERLINDUNGAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN PENGURANGAN PENDUDUK TIDAK SEMESTINYA MENINGGIKAN TARAF HIDUP.

YANG PENTING IALAH DAYA PEMBELI PENDUDUK DAN INI BEARGANTUNG KEPADA BILANGAN DAN DAYA PENGELUARAN MEREKA. --LAGI
1112/MD

MAHATHIR-KEPENDUDUKAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA YANG KINI MEMPUNYAI 14 JUTA RAKYAT, BOLEH MENAMPUNG PENDUDUK LEBIH RAMAI HINGGA KE PARAS 70 JUTA SEKIRANYA RAKYAT SANGGUP BEKERJA KUAT DAN MENJADI LEBIH PRODUKTIF.

+DENGAN PASARAN DOMESTIK YANG BESAR DAN DAYA MEMBELI YANG TINGGI, INDUSTRI KITA TIDAK AKAN TERLALU BEARGANTUNG SANGAT KEPADA PASARAN DUNIA.

+MEMANG BENAR KITA AKAN MENGHADAPI MASALAH TERUTAMA JIKA MEMPUNYAI MASYARAKAT YANG TIDAK BERDISIPLIN. TETAPI INI BOLEH KITA ATASI JIKA KITA PUPUK SEMANGAT DISIPLIN DAN KUAT BEKERJA DARI SEKARANG,+ TEGASNYA.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU BERKATA UMNO AKAN MEMBERI PERHATIAN KEPADA PERKARA INI DAN AKAN MEMBUAT KAJIAN YANG MENDALAM MENGENAI KEPENDUDUKAN DALAM MASA JANGKA PANJANG.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETELAH MERDEKA SELAMA SUKU ABAD, KEGIATAN EKONOMI SUDAH MENINGKAT SEBAGAI SATU KUASA DALAM MENENTUKAN MASA DEPAN NEGARA DAN MASA DEPAN BUMIPUTERA.

BELIAU BERKATA MENYEDARI HAKIKAT INI, AGENSI-AGENSII KERAJAAN TIDAK LAGI BOLEH DIBIARKAN DIISI OLEH SESIAPA SAJA UNTUK MENGURUSKANNYA. --LAGI 1130/MD

8522

MAHATHIR-KEPENDUDUKAN 3 KUALA LUMPUR

+KITA TIDAK LAGI BOLEH BERGANTUNG KEPADA BIDAN TARIK. KITA PERLUKAN PENGURUSAN YANG ARIF BUKAN SAJA DALAM BIDANG EKONOMI TETAPI JUGA DALAM SELOK-BELOK POLITIK NEGARA,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN PUCUK PIMPINAN MENYEDARI BAHAWA ORANG POLITIK DILANTIK BAGI MENGURUSKAN BADAN-BADAN EKONOMI, TIDAK BEGITU MENDATANGKAN HASIL KERANA ADA DI ANTARA MEAREKA TELAH GAGAL.

KESAN DARI KEGAGALAN INI BUKAN SAJA MEMBANTUKAN PENCAPAIAN DASAR EKONOMI BARU UNTUK MENYUSUN SEMULA PENYERTAAN RAKYAT DALAM KEGIATAN EKONOMI MALAH KERAPKALI BADAN-BADAN TERSEBUT MENJADI PENGHALANG KEPADA PERKEMBANGAN FIRMA-FIRM BUMIPUTERA.

+MEMANDANGKAN HAKIKAT INI, PENGURUSAN ALA BIDAN TARIK TIDAK BOLEH LAGI DIAMALKAN, MALAH SUDAH BEARAKHIR.

+KITA KINI MEMERLUKAN PENGURUS BADAN-BADAN BERKANUN DAN PERBADANAN YANG PROFESYENAL SERTA SEDAR AKAN DASAR DAN MATLAMAT POLITIK KHUSUNYA DEB,+ TEGASNYA.

BELIAU MENGINGATKAN AHLI-AHLI POLITIK YANG BERMINAT MENYARTAI KERAJAAN SUPAYA MEMAHAMI BAHAWA TIDAK SEMUA MEREKA DIPERLUKAN DALAM PENTADBIRAN. --LAGI

1140/MD

B523

MAHATHIR-KEPENDUDUKAN 4 KUALA LUMPUR

SEBAHAGIAN DARIPADA MEREKA DIPERLUKAN DALAM BIDANG EKONOMI SAMA ADA SEBAGAI PENERUSI ATAU ANGGOTA LEMBAGA ATAU PUN SEBAGAI PENGURUS-PENGURUS.

PENYERTAAN MEREKA DALAM BIDANG EKONOMI INI ADALAH SAMA PENTINGNYA DENGAN PENYERTAAN SEBAGAI JEMAAH PENTADBIR DALAM KERAJAAN.

NAMUN DEMIKIAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN PUCUK PIMPINAN PARTI TIDAK MAHU PENYERTAAN MEREKA DALAM BADAN-BADAN EKONOMI MILIK KERAJAAN ITU MERUPAKAN HANYA SEBAGAI +PEKERJAAN UNTUK ANGGOTA-ANGGOTA PARTI SAJA.+

+JANGANLAH FIKIR BAHAWA KERANA KHIDMAT POLITIK YANG LAMA, KITA HARUS DIBERI JAWATAN. TIDAK ADA SESUATU YANG LEBIH MERBAHAYA DARI MEMBERI JAWATAN KEPADA ORANG YANG BUKAN AHLI DALAM SESUATU PEKERJAAN,+ TEGASNYA.

OLEH ITU BAGI MEMENUHI KEPERLUAN POLITIK DALAM EKONOMI, BELIAU MENYARANKAN SUPAYA AHLI-AHLI POLITIK YANG BERMINAT MENGUASAI SELOK-BELOK PENGURUSAN PERNIAGAAN.

+DAN APABILA MEREKA MEMILIKI KECEKAPAN, MEREKA PERLU MENGANGGAP BAHAWA PERANAN MEREKA DALAM KEGIATAN EKONOMI TIDAK KURANG PENTINGNYA DARIPADA PERANAN RAKAN-RAKAN MEREKA YANG MENJADI ANGGOTA PENTADBIRAN,+ KATANYA.

+POLITIK ADALAH ALAT DAN BUKAN MATLAMAT KITA. MATLAMAT KIITA IALAH KEHIDUPAN YANG LEBIH BAHAGIA.

--BERNAMA 1153/MD